

**PARLIMEN: RTB Kurangkan 20 Peratus Daripada Kawasan Banjir Di Lembah Klang
Bernama
23 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Sebanyak 20 peratus daripada kawasan banjir di Lembah Klang dapat dikurangkan selepas pelaksanaan Projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) termasuk Terowong SMART yang siap pada 2007.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Tan Sri Joseph Kurup berkata di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melaksanakan sembilan RTB di Lembah Klang melibatkan peruntukan sebanyak RM427.7 juta.

Di bawah RMK-10 pula, sebanyak RM64.58 juta diluluskan untuk projek RTB Sungai Damansara dengan RM28 juta daripadanya diluluskan di dalam Rolling Plan Pertama (2011-2012), katanya ketika menjawab soalan Dr Che Rosli Che Mat (PAS-Hulu Langat) pada persidangan Dewan Rakyat Selasa.

Dr Che Rosli bertanya mengenai status tebatan banjir yang dilaksanakan sejak 2008 hingga kini yang belum dapat mengatasi masalah banjir di Lembah Klang.

Dalam pada itu, Joseph berkata kejadian banjir kilat baru-baru ini adalah di luar jangkaan dan berpunca daripada hujan lebat luar biasa yang dikaitkan dengan kesan fenomena perubahan iklim.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=704184>